

BUNYI BAHASA MELAYU – BUNYI DIFTONG


9

1. PENGENALAN

- Bunyi diftong ialah bunyi yang berbeza daripada bunyi vokal dan konsonan, walaupun bunyi ini terhasil daripada gabungan dua bunyi vokal.

2. KONSEP BUNYI DIFTONG

- *Bunyi diftong* ialah bunyi cantuman dua bunyi vokal yang berada dalam satu suku kata.
- Bunyi ini dikeluarkan dengan menggeluncurkan lidah dari vokal pertama ke vokal yang berikutnya.
- Dalam bahasa Melayu, bunyi diftong terdiri daripada tiga jenis, iaitu [ai], [au], dan [oi].



Rajah: Keratan rentas lidah tentang kedudukan bunyi diftong

3. CIRI BUNYI DIFTONG

- Bunyi diftong terdiri daripada deretan dua vokal yang berada pada satu suku kata.
- Diftong mempunyai satu puncak kelantangan, iaitu pada vokal pertama, kerana sebutannya lebih lantang dan lebih panjang berbanding dengan vokal kedua.
- Semasa penyebutannya, terjadi geluncuran lidah selepas vokal pertama.
- Kedua-dua vokal dilafazkan dalam satu hembusan nafas sahaja.
- Semua bunyi diftong ialah bunyi bersuara kerana arus udara dari paru-paru menggetarkan pita suara.
- Arus udara tidak mengalami sebarang halangan semasa pergerakannya.

4. CARA PENGHASILAN BUNYI DIFTONG

- Bunyi diftong dihasilkan dengan penyebutan vokal pertama dan lidah digeluncurkan ke arah vokal kedua dalam satu hembusan nafas.
- Lelangit lembut dinaikkan dan anak tekak menyentuh dinding tekak.
- Arus udara keluar melalui rongga mulut.

<i>Nama Diftong</i>	<i>Cara Menghasilkannya</i>	<i>Contoh</i>
[ai]	<ul style="list-style-type: none"> • Bunyi bermula dengan lidah berada pada kedudukan bunyi vokal depan luas [a]. • Lidah digeluncurkan serta-merta ke arah tempat menghasilkan bunyi vokal depan sempit [i]. • Bibir dalam keadaan terhampar. 	<ul style="list-style-type: none"> • [hairan] • [gulai] • [tirai]
[au]	<ul style="list-style-type: none"> • Bunyi bermula dengan lidah berada pada kedudukan bunyi vokal depan luas [a]. • Lidah digeluncurkan serta-merta ke arah tempat menghasilkan bunyi vokal belakang sempit [u]. • Bibir daripada terhampar menjadi bundar. 	<ul style="list-style-type: none"> • [saujana] • [silau] • [hirau]
[oi]	<ul style="list-style-type: none"> • Bunyi bermula dengan lidah berada pada kedudukan bunyi vokal belakang separuh sempit [o]. • Lidah digeluncurkan serta-merta ke arah tempat menghasilkan bunyi vokal depan sempit [i]. • Bibir daripada bundar menjadi terhampar. 	<ul style="list-style-type: none"> • [boikot] • [konvoi] • [sepoi]